

Perlu sokong produk tempatan

Semangat cintakan produk tempatan harus disemai rakyat Malaysia

JOHOR BAHRU

Menyokong barangan buatan tempatan dan semangat menyokong industri negara tanpa mengira bangsa sangat penting. Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Melayu, Ahmad Yazid Othman berkata, semangat cintakan produk buatan tempatan perlu disematkan dalam diri setiap rakyat Malaysia.

"Pengguna bukan sahaja mahukan barangan murah tetapi turut mempunyai

kuasa dalam menentukan sokongan terhadap barangan buatan Malaysia.

"Kalau semua pengguna membeli barangan luar negara, siapa nak beli barangan tempatan dan kerja di negara ini. Kalau semua barang kita beli daripada luar negara macam mana kita nak sokong perusahaannya kecil dan sederhana (PKS) yang memberi gaji kepada pekerja di negara ini," katanya pada Wacana Sinar Harian Siri Ke-137 bertajuk Barangan Buatan Malaysia: Persepsi, Penggunaan dan Peranan Pengguna Malaysia di sini kelmarin.

Wacana itu turut menampilkan Pengerusi Persekitaran Skuad SMART Pengguna, Datuk Hasanah Salam dan Presiden Persatuan Pergerakan Pengguna Malaysia, Darshan Singh. Pensyarah Kanan Fakulti



Dari kiri: Ismail, Hasanah, Darshan dan Ahmad Yazid pada sesi Wacana Sinar Harian di Johor Bahru kelmarin.

Komunikasi dan Pengajian Media Universiti Teknologi Mara (UiTM), Datuk Dr Ismail Suailman bertindak sebagai moderator.

Sementara itu, Darshan berkata, ramai pengguna di negara ini kurang menyokong produk buatan Malaysia kerana tidak meng-

hayati maksud kempen dan slogan berkaitan beli barangan tempatan selain kurang menyedari kepentingan terhadap ekonominya negara.

"Pengguna sebenarnya akan memerhatikan ekonomi negara pengeluar jika membeli atau mengimport

barang negara tersebut. "Jadi sebagai pengguna perlu menyokong barangan dalam negara iaitu produk buatan Malaysia kerana ia mampu membantu syarikat tempatan menambah pengeluaran yang ke-mudiannya wujud lebih banyak peluang pekerjaan

dan akan belanja kembali dalam negara," katanya.

Hasanah pula berkata, kesilapan diri sendiri antara penyebab seseorang pengguna tertipu sewaktu membeli sesuatu barangan terutamanya pembelian secara dalam talian sama ada dari luar negara ataupun dalam negara.

"Meskipun ada syarikat membeli produk secara dalam talian lebih murah dan jimatkan kos tertentu namun pengguna perlu bijak membuat pilihan bukannya terus membeli tanpa sebarang usul periksa," katanya.

Selain itu, katanya, pendidikan berhubung hak pengunaan serta kegunaan perlu diterapkan bermula dari awal agar masyarakat menjadi pengguna bijak kerana kesedaran amat mustahak